

LAPORAN TAKLIMAT PENGURUSAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) BIL 2/2023



JABATAN PENDIDIKAN WP.LABUAN

09 DISEMBER 2023

**BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA, TINGKAT 8, KOMPLEKS UJANA
KEWANGAN.**

Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP.Labuan telah mengadakan sesi Taklimat Pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta Perkongsian Amalan Terbaik kepada YDP PIBG sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di WP.Labuan. Taklimat ini juga turut dihadiri oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di setiap sekolah, bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Kompleks Ujana Kewangan pada 09 Disember 2023. Taklimat ini bertujuan memperkasakan lagi pengurusan PIBG disemua sekolah khususnya sekolah-sekolah di WP.Labuan.

Selain itu, YDP PIBG dari sekolah Kebangsaan Bebuloh,

En.Asmadi bin Hj.Ahmad telah berkongsi Amalan Terbaik "1K1R" iaitu 1 Keluarga 1 Rumah Sukan, yang telah berjaya dilaksanakan di peringkat sekolah. Manakala YDP PIBG sekolah Kebangsaan Kerupang, En.Madzan bin Md.Yunus juga turut berkongsi Amalan Terbaik bertajuk D'Voice 2.0 (Suara Dangsanak).Program ini juga telah berjaya dilaksanakan di peringkatsekolah.

Taklimat diteruskan oleh Pn.Zaliha binti Mohd.Salleh, penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah mengenai peranan YDP PIBG dan Focal Person, diikuti peranan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) serta peranan Sukarelawan Dalam Kelas (SDK). Peruntukan Kewangan untuk aktiviti gotong royong dan taklimat terakhir mengenai Pelaksanaa Pentaksiran Sekolah Khusus (PKSK) yang telah disampaikan oleh Pn.Zaleha binti Hassan, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah.

Hadir bersama-sama dalam taklimat ini ialah Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pengurusan Sekolah Tn.Hj.Sawal bin Hj.Salleh merangkap pengerusi ,Tn.Louren @ Laurence bin Abon, SIPartner dan urus setia dari Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP.Labuan.















